

15/08/1999

Presiden Umno tentukan calon pilihan raya

KEPALA BATAS: Hak untuk bertanding di mana-mana kawasan dalam pilihan raya umum akan datang hanya ditentukan Presiden Umno dan tiada sesiapa berhak untuk menetapkan perkara itu.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Dr Ibrahim Saad turut menyerahkan masa depan politiknya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor itu juga menasihatkan pemimpin Umno supaya tidak menuntut untuk dicalonkan di mana-mana kerusi kerana segalanya diputuskan Perdana Menteri berdasarkan kepentingan parti dan negara.

"Walau di mana atau sesiapa yang akan dicalonkan untuk bertanding dalam pilihan raya akan datang, sokongan perlu diberikan untuk menjamin kemenangan mutlak Barisan Nasional (BN)," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya anjuran Gerakan Belia 4B di Kelab Golf Bertam dekat sini, semalam.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan, berkata pengumuman senarai calon akan meredakan khabar angin mengenai kemungkinan beliau akan diletakkan sebagai calon untuk kerusi Parlimen Permatang Pauh.

Bagaimanapun, katanya, orang ramai tidak seharusnya terpengaruh dengan khabar angin yang disebarkan golongan tertentu yang bertujuan menjatuhkan Umno dan kerajaan sekarang.

Kebelakangan ini, khabar angin tersebar meluas mengenai kemungkinan Ibrahim dan pemangku Ketua Bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad akan dicalonkan untuk kerusi Parlimen yang ketika ini disandang bekas Timbalan Perdana Menteri.

(END)